


# Suara muzium kelantan



**FIRAUN**  
Musuh Para Nabi



## PAMERAN PENDIDIKAN PERDANA

12

“Akan dibebaskan Kota Konstantinopel itu,  
maka sebaik-baik raja itulah raja, sebaik baik  
tentera itulah tentera.”  
(HR: Imam Ahmad bin Hanbal)

Majlis Perasmian Pameran Pendidikan Perdana  
di Kelantan Trade Centre (KTC)





Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah syukur kehadrat Ilahi . Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad S.A.W kerana dengan limpah kurniaNya telah mengizinkankannya saya untuk merakamkan sepatuh dua kata dalam edisi kali ini.

Dikesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada semua pasukan Editorial Buletin Suara Muzium edisi 3/2015 dan semua yang terlibat. Saya berharap hubungan kerjasama ini akan terus kekal terjadi pada masa akan datang.

Akhir kata saya berharap segala program yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2015 akan membawa hasil yang lebih gemilang selaras dengan visi dan misi muzium.

**YB. Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman**

Pengerusi

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah, syukur kehadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah izinNya Suara Muzium edisi ketiga dapat diterbitkan untuk memberi informasi kepada masyarakat berkaitan aktiviti yang telah dilaksanakan sepanjang bulan Julai sehingga Disember 2015 .

Sehingga Disember 2015 pelbagai program dan aktiviti permuziuman terutama pameran berkala diadakan dalam usaha untuk menarik lebih ramai pengunjung ke muzium. Ini terbukti dengan pameran pendidikan perdana yang berjaya menarik lebih 150,000 orang pelawat datang ke muzium. Selain itu, program ilmu juga telah dilaksanakan seperti Seminar, Ceramah, Bicara Tokoh bersesuaian dengan muzium sebagai sebuah intitusi pendidikan tidak formal serta program lawatan dan sukan bagi memupuk semangat kerja berpasukan.

Akhir kata terima kasih yang tidak terhingga kepada Pengerusi dan ahli ahli lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan di atas sokongan dan galakan dalam menjayakan aktiviti permuziuman.

**Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin Abd. Hadi**

Pengarah

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan



Alhamdulillah.....

Bertemu kembali dalam edisi ketiga Buletin Suara Muzium bagi tahun 2015. Terlebih dahulu, bersyukur saya kehadrat Ilahi kerana dengan limpah izinNya dapat saya merakamkan sepatuh dua kata dalam edisi kali ini .

Pelbagai aktiviti dan program yang telah dilaksanakan dari bulan Julai sehingga Disember 2015 dimuatkan dalam edisi kali ini, termasuklah Pameran berkala, Seminar, Forum, Lawatan dan Sukan .

Ucapan terima kasih kepada editor-editor, pereka, jurugambar dan semua yang terlibat yang telah memberi kerjasama menerbitkan Suara Muzium kali ini .

Sekian Terima Kasih

**Wan Jaafar bin Jusoh**

Ketua Editor

#### PENAUNG

**YB. Mejar (B) Dato' Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman**

#### PENASIHAT

**Dr. Hj. Nik Mohd Azlan bin Abd. Hadi**

#### KETUA EDITOR

**Wan Jaafar bin Jusoh**

#### EDITOR

**Dato' Hj. Salleh bin Mohd Akib  
Abustarim bin Yaacob  
Muhammad Aluwi bin Che Ali  
YM Tengku Kamarul Nizen  
Roslan bin Ibrahim  
Tarmizi bin Taib**

**REKA BENTUK & REKA LETAK**  
**Nik Mohd Izwan bin Nik Annur  
Mohd Ali Riduan bin Daud**

#### JURU FOTO

**Sabki bin Ibrahim**

# SIDANG redaksi

Diterbitkan oleh unit pengurusan :-

**PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,  
JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU, KELANTAN.  
No. Tel: 09-748 2266 | Fax: 09-748 3366**

# KANDUNGAN

# Suara

muzium kelantan




4



5



6



8



9



7



15



18



16



17



12



19

4. Pertandingan dan pameran seni Khat
5. Majlis berbuka puasa dan sambutan Aidilfitri
6. Pertandingan kecantikan senjata tradisional Melayu
7. Lawatan kerja ke Banda Aceh Darul Salam


8. Lawatan kerja ke negara Mesir dan Turki
9. Lawatan kerja ke Selatan Thailand
10. Sambutan hari muzium Antarabangsa peringkat kebangsaan
12. Pameran pendidikan perdana: Tok Janggut , Sultan Muhammad Al-Fateh dan Mumia Firaun

15. Pameran lukisan 1MCAT
16. Sejarah Menteri Besar Kelantan
17. Kenali Muzium
18. Berita Staff
19. Penerbitan Muzium

## ANDA MAHU MENYUMBANG ARTIKEL UNTUK JURNAL WARISAN KELANTAN?

Sumbangan penulisan artikel warisan Kelantan adalah terbuka kepada penulis-penulis dari dalam atau luar muzium kelantan dan boleh ditulis dalam bahasa melayu atau inggeris yang berkaitan dengan arkeologi, kebudayaan, pendidikan dan lain-lain berkaitan dengan Negeri Kelantan.

Untuk keterangan lanjut sila hubungi:  
**EN. ABUSTARIM BIN YAAKOB**  
 Tel: 09 - 748 2266 | Faks: 09 - 747 3366





## PERTANDINGAN DAN PAMERAN SENI KHAT

Pada bulan Ramadhan setiap tahun Kerajaan Negeri Kelantan Darulnaim menganjurkan program Madinah Ramadhan. Pelbagai program dan aktiviti telah diadakan bagi memeriahkan bulan yang mulia ini. Sempena program ini Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah menganjurkan satu pertandingan dan Pameran Khat bertempat di perkarangan Stadium Sultan Muhammad IV Kota Bharu pada 14 Ramadhan 1436 bersamaan 1 Julai 2015 dan majlis perasmianya telah disempurnakan oleh Dato' Speaker Dewan Undangan Negeri Kelantan.

Program pertandingan ini terbahagi kepada 2 kategori iaitu spontan dan karya siap yang telah disertai oleh 500 orang peserta dari sekolah-sekolah agama negeri dan persekutuan, pondok-pondok dan pencinta seni khat.

Antara lain tujuan diadakan pertandingan dan pameran ini ialah bagi memartabatkan dan mempromosikan seni penulisan khat kepada masyarakat sebagai satu cabang kesenian Islam serta mencungkil bakat baru dalam melahirkan penulis khat yang profesional.



Pemenang tempat pertama Pertandingan Khat Kategori Karya Siap En. M. Affuan Al-Mustaqiq bin Lokman (kanan).

# MAJLIS BERBUKA PUASA DAN SAMBUTAN AIDILFITRI

Hari Raya Aidilfitri 2015/1436H disambut dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan dikalangan warga Muzium Kelantan yang dianjurkan oleh Kelab Sukan dan Kebajikan Muzium Kelantan (CINDAI) pada 27 Julai 2015. Sebelum itu di bulan Ramadhan Al-Mubarak telah diadakan Majlis Berbuka Puasa di D'Tunjung Banquet pada 29 Jun 2015. Majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran YB. Dato' Mejar (B) Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman penggerusi Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan timbalan penggerusi

Ustaz Dato' Hj. Hassan bin Mahmood.

Majlis rumah terbuka yang diadakan setiap tahun ini bertujuan untuk mengeratkan lagi silatulrahim antara kakitangan Muzium Kelantan dengan para tetamu jemputan. Selain itu majlis rumah terbuka ini juga bagi mengembalikan suatu amalan kunjung mengunjung dan maaf bermaafan yang telah menjadi adat Melayu zaman berzaman. Selain Kakitangan Muzium majlis ini dimeriahkan lagi dengan kehadiran Ahli-ahli Lembaga Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.



Sebelum majlis berbuka puasa, tazkirah ramadhan disampaikan oleh Ustaz Dato' Haji Hassan bin Mahmood.



Sambutan Aidilfitri di muzium negeri dimeriahkan dengan kehadiran Dato' Penggerusi Muzium dan Timbalannya, Dato' pegawai kewangan Negeri dan YM Dato' pengarah PTG.





## PERTANDINGAN KECANTIKAN SENJATA MELAYU

Pertandingan peringkat kebangsaan ini telah diadakan pada 5 September 2015 merupakan anjuran bersama antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dengan Persatuan Seni Purba dan Kraftangan Negeri Kelantan ( PURBA ) bertempat di Muzium Negeri Jalan Hospital, Kota Bharu. Pertandingan ini mendapat sambutan yang menggalakkan yang disertai oleh 50 orang peserta dari Terengganu, Pahang, Melaka, Selangor, Pulau Pinang dan Thailand. Sebanyak 120 bilah senjata dipertandingkan.

Kategori Senjata yang dipertandingkan ialah :

1. Keris Pandai Sarah Lok dan Lurus Berpamor
2. Keris Pandai Sarah Lok dan Lurus Besi Sebatang
3. Keris Alang Berpamor
4. Keris Alang Besi Sebatang
5. Keris Bugis Lok
6. Keris Bugis Lurus
7. Keris terbuka semenanjung
8. Senjata Pendek terbuka (bebas)
9. Lembing terbuka (bebas)

Peserta yang paling banyak memenangi hadiah dari pelbagai kategori ialah :

HISHAM BIN MOHAMMAD dari Negeri Melaka.



*Hadiah cabutan peserta bertuah berupa sebuah motosikal disampaikan oleh YB. Dato' Mejar (B) Hj. Md. Anizam bin Ab. Rahman.*

# LAWATAN KERJA KE BANDA ACEH DARUL SALAM

Perbadanan Muzium Negeri Kelantan dan Kelab Sukan dan Kebajikan Muzium Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke Banda Aceh Darulsalam pada 2 hingga 5 Julai 2015. Ahli rombongan seramai 8 orang pegawai dan kakitangan ini diketuai oleh YABrs. Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Ab. Hadi, Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan. Program lawatan ini diuruskan oleh PT Atrabu Travel & Tours Aceh.

Tujuan utama lawatan kerja ini diadakan bagi menjalankan kerjasama antara Muzium Kelantan dengan Muzium Negeri Aceh, mewujudkan peluang pertukaran maklumat dan pegawai bagi meningkatkan muzium kearah yang lebih baik dan bagi mendapatkan sumber

dan bukti sejarah kedatangan dan perkembangan Islam ke Nusantara sehingga kedua-dua buah negeri digelar "Serambi Mekah". Lawatan kerja ini juga sebagai satu usaha untuk meningkatkan ukhwah Islamiah dengan masyarakat Islam Aceh serta mendapat maklumat yang jelas adanya persamaan di dalam sosio budaya Kelantan Darulnaim dengan Aceh Darulssalam.

Rombongan juga berkesempatan melawat Masjid Raya Baitul Rahman yang terselamat dari bencana Tsunami,

melawat perkuburan Massel Uleeheua mangsa tsunami, muzium tsunami, makam Iskandar Muda dan Pejabat Wali Kota Banda Aceh. Bagi Wali Kota Banda Aceh Ibu Hjh Sa'aduddin Djamal "10 tahun selepas tsunami adalah tempoh yang membuktikan kepada dunia bahawa Aceh mampu membangun dengan lebih baik".



Ahli rombongan bergambar kenangan dihadapan Masjid Raya Baitul Rahman.



## LAWATAN KERJA KE MESIR DAN TURKI

Pada 19 hingga 26 Ogos 2015, Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah mengadakan lawatan kerja ke negara Mesir dan Turki. Lawatan kerja ini diketuai oleh Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Ab Hadi, Kurator Penyelidik Kanan En. Abustarim bin Yaacob dan Penyelidik En. Nik Mohd Izwan bin Nik Annuar.

Tujuan lawatan kerja ini ialah untuk membuat kajian dilokasi bagi mendapatkan sumber atau bahan bahan yang berkaitan untuk mengadakan Pameran Pendidikan Perdana: Tok Janggut, Sultan Muhammad Al-Fateh dan Mumia Firaun sempena sambutan Jubli Perak Membangun Bersama Islam Kerajaan Kelantan. Di Mesir lokasi penyelidikan bertumpu di muzium Firaun di Dataran Tahrir, di Hamam semenanjung Senai, membuat penyelidikan sejarah peninggalan Firaun di Aswan dan Luxor, melawat dan membuat penyelidikan di laut merah di mana firaun dan tenteranya ditenggelamkan oleh Allah S.W.T dan melawat Piramid Gaza dan Sphink dan tasik Qorun. Manakala di Turki tumpuan penyelidikan ialah di Muzium Torkapi, Masjid dan Makam Sultan Muhammad Al-Fateh, Muzium Rahmi Koch, melawat Hierapolis

dan Ephesus An Cient City, Masjid Biru dan Pamukkakale (Taman Kopres).

Lawatan Kerja penyelidikan ini dipandu arah oleh Ustaz Azhar bin Salleh dari yayasan Islam Kelantan dan memperolehi kejayaan yang besar dimana segala perolehan hasil penyelidikan seperti artifak, gambar-gambar dan keterangan-keterangan yang berkaitan dapat dikumpul dan telah diterjemahkan kedalam bentuk pameran yang telah berlangsung di Muzium Negeri Kelantan



Sekitar lawatan kerja penyelidikan di Mesir



Sekitar lawatan kerja penyelidikan di Turki



Pada tanggal 1 dan 2 Disember 2015, satu lawatan kerja ke Selatan Thailand telah diadakan. Rombongan seramai 12 orang ini diketuai oleh Pengarah Perbadanan Muzium Negeri Kelantan YABrs. Dr. Haji Nik Mohd Azlan bin Ab Hadi.

Tujuan utama lawatan adalah bagi membuat penyelidikan tentang sejarah dan budaya masyarakat Selatan Thailand khususnya Pattani yang pada masa dahulu wujudnya kerajaan melayu yang besar iaitu sebelum perjanjian Inggeris - Siam 1909 yang memisahkan Pattani dengan Negeri Melayu.

Semasa lawatan kerja ini rombongan telah berkesempatan mengadakan pertemuan dan berbincang dengan Pengarah dan Timbalan Pengarah Pengajian Islam Universiti Prince of Songkla di Pattani dan juga berkesempatan mengadakan

## LAWATAN KERJA KE SELATAN THAILAND

perjumpaan dengan pelajar-pelajar universiti berkenaan yang mana seramai 10 orang daripadanya pernah membuat latihan (praktikal) dan 82 orang yang datang mengikuti seminar di KTC.

Bagi mendapatkan Manuskrip mengenai sejarah Pattani, rombongan telah melawat Muzium dan Pusat pengumpulan pelbagai Manuskrip terutamanya Al-Quran di Pondok Sela anak ayam di Narathiwat. Rombongan juga berkesempatan melawat Masjid Wadi Hussin di Teluk Manok yang merupakan masjid tertua yang sezaman dengan Masjid Kampung Laut di Kelantan.



Lawatan ke Pusat Pengumpulan Manuskrip di Narathiwat



Ahli rombongan bergambar kenangan di Masjid Wadi Hussin Telok Manok Narathiwat.



Al-Quran emas



Universiti Of Songkla, Pattani.



Percetakan Al-Quran

# HARI MUZIUM

## ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN 2015

MUZIUM UNTUK MASYARAKAT LESTARI / MUSEUM FOR A SUSTAINABLE SOCIETY



PERSATUAN MUZIUM MALAYSIA



INTERNATIONAL COUNCIL OF MUSEUMS

Pada 18 Mei setiap tahun, muzium-muzium diseluruh dunia merayakan hari muzium antarabangsa. Bagi tahun 2015 tema yang ditetapkan ialah "museum for sustainable society". Sambutan seperti ini adalah untuk menarik perhatian masyarakat terhadap program-program muzium melalui aktiviti yang diadakan sepanjang perayaan.

Pada tahun ini Negeri Perak telah dipilih sebagai Tuan rumah Sambutan Hari Muzium Antarabangsa peringkat Kebangsaan 2015 yang telah diadakan pada 31 Julai hingga 6 Ogos 2015.

### Objektif :

- Mengeratkan silatulrahim antara pegawai dan kakitangan muzium Seluruh Negara.
- Mendekatkan Institusi Muzium dengan masyarakat
- Memberi peluang kepada semua kakitangan bertukar pandangan berkaitan pemuziuman
- Memberi kesedaran kepada pelbagai pihak terhadap kepentingan institusi pemuziuman sebagai satu bidang yang boleh menyumbang ke arah masyarakat yang berpengetahuan.

Bagi memeriahkan lagi sambutan, pelbagai program telah disusun atur, iaitu seminar pemuziuman, sukan, kerja amal dan Pameran khas dimana Perbadanan Muzium Negeri Kelantan telah memperagakan pameran textill iaitu kain batik Kelantan.



Majlis perasmian hari muzium antarabangsa oleh YBhg Tan Sri Dr. Ong Hong Peng,  
Ketua Setiausaha Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia

**" museum for sustainable society "**



**" museum for sustainable society "**



## PAMERAN PENDIDIKAN PERDANA


Pameran Pendidikan Perdana yang mengabungkan 3 tokoh iaitu Tok Janggut (Hj Mat Hassan b Munas), Sultan Muhammad Al-Fateh dan Firaun merupakan pameran yang julung-julung kali diadakan di Malaysia. Pameran yang diadakan di Muzium Negeri bermula pada 20 Oktober 2015 sehingga 31 Januari 2016 telah disempurnakan perasmianya oleh Menteri Besar Kelantan YAB Ustaz Dato' Haji Ahmad bin Yaakob bertempat di Kelantan Trade Centre (KTC) Kota Bharu bersempena sambutan perayaan Jubli Perak, 25 tahun Pentadbiran Membangun Bersama Islam kerajaan kelantan dan bagi memperingati 100 tahun perjuangan Tok Janggut menentang penjajahan British di Kelantan.

Sultan Muhammad Al-Fateh adalah tokoh yang menjadi kebanggaan seluruh umat Islam. Baginda merupakan seorang sultan yang memerintah dengan syariat Islam. Ideologinya masih diguna pakai hingga ke hari ini. Hadis Rasulullah s.a.w bermaksud "Akan dibebaskan kota Konstantinopel itu, maka sebaik baik raja itulah raja, sebaik baik tentera itulah tentera" telah membakar semangatnya untuk menakluki konstantinopel. Di usia yang begitu muda baginda berjaya membenarkan Hadith Rasulullah itu.

Manakala Firaun adalah manusia yang disebut-sebut dalam Al-Quran kerana kemungkaran, keangkuhan dan kesombongannya. Jasad Firaun masih terpelihara sehingga kini sebagai tanda dan bukti kekuasaan Allah.

Pameran ini mempamerkan artifak-artifak yang berkaitan seperti senjata-senjata lama yang digunakan oleh Tok Janggut. Tembok Rumeli, Meriam urban, senjata dan

perisai yang berkaitan dengan kehebatan Sultan Muhammad Al-Fateh dan artifak-artifak yang sinonim dengan kisah Firaun iaitu Mumia Firaun, piramid dan keranda emas. Turut dipamerkan ialah senjata berupa pedang Rasulullah S.A.W dan para sahabat. Bersempena pameran ini juga telah diadakan ceramah, seminar, pentomin Tok Janggut dan pertandingan melukis kanak-kanak untuk memeriahkan lagi pameran.



Lawatan Menteri Besar Kelantan dan Timbalannya ke Pameran Pendidikan Perdana di Muzium Negeri.




## PROGRAM MOTIVASI DAN SEMINAR

Bersempena pameran pendidikan perdana ini telah diadakan satu ceramah motivasi mengenai Sultan Muhammad Al-Fateh yang telah disampaikan oleh Al-Fadhil Ustaz Syaari bin Ab. Rahman dan Seminar Tok Janggut pada 20 Oktober 2015 bertempat di Kelantan Trade Centre Kota Bharu.

Seminar khas ini diadakan bagi memperingati 100 tahun perjuangan Tok Janggut yang bangkit menentang Penjajahan British di Kelantan. Dua orang ahli panel telah dijemput khas iaitu YBhg. Prof. Dato' Dr. Mohammad Anuar bin Omar iaitu ketua Kluster Penyelidikan Peradaban Melayu dan Islam Universiti Sultan Zainal Abidin (UNIZA) yang telah

membentangkan kertas kerja bertajuk 'Perjuangan Tok Janggut dan relevannya dengan pemerintahan Islam di Kelantan.

Manakala YBhg. Prof. Dato' Dr. Abdullah Zakaria bin Ghazali dari Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya (UM) telah membentangkan kertasnya bertajuk "Ibrah / pengajaran dari perjuangan Tok Janggut. Seminar ini dipengerusikan oleh YB. Ustaz Dato' Haji Hassan bin Mahmood. Seramai lebih 2000 orang telah hadir mengikuti seminar yang terdiri dari pelajar Sekolah, IPTA, IPTS, pondok, pertubuhan, persatuan dan peserta dari Universiti Prince Of Songkla dan imam imam dari selatan Thailand.



Ceramah Pendidikan Perdana oleh Dr. Farez Al Hafiz dan Dr. Nik Mohd Azlan serta Seminar Tok Janggut.





Pasukan Futsal Kelab sukan & Kebajikan Muzium Kelantan (Cindai Baru)

## AKTIVITI KELAB CINDAI

Pada 23 Mei 2015, Kelab Sukan dan Kebajikan Muzium Kelantan (Cindai Baru) telah mengadakan rombongan "Road To Final" apabila pasukan bola sepak Kelantan telah berjaya melangkah masuk ke perlawanan akhir pertandingan Piala FA 2015 untuk menentang pasukan Lions XII dari Singapura di stadium Shah Alam. Seramai 15 orang ahli kelab telah menyertai rombongan ini yang diketuai oleh En. Roslan b. Ibrahim (Ketua Pembantu Muzium Kanan) sebagai tanda memberi sokongan kepada pasukan bola sepak Kelantan di pentas perlawanan akhir Piala FA.

Pasukan futsal Kelab Sukan & Kebajikan Muzium Kelantan (Cindai Baru) juga telah mengadakan beberapa siri perlawanan persahabatan untuk memupuk semangat kesukanan serta menjalankan hubungan silatulrahim antara jabatan-jabatan.

Kelab Sukan & Kebajikan Muzium Kelantan (Cindai Baru) telah menganjurkan perlawanan ping pong (individu & regu) antara ahli-ahli kelab. Perlawanan ini bertujuan untuk memberi semangat kepada ahli kelab cindai yang mewakili Muzium Kelantan untuk menghadapi Hari Sukan Muzium Antarabangsa 2015 di Ipoh, Perak.



# MAJLIS PELANCARAN PAMERAN LUKISAN 1MCAT

Pelancaran pameran lukisan ini adalah bersempena Festival Pelancongan Seni Kontemporari 1 Malaysia (1MCAT) peringkat Negeri Kelantan 2015 yang disempurnakan pelancaran oleh YB Dato' Mejar (B) Haji Md. Anizam bin Ab. Rahman, Pengurus Pelancongan, Kebudayaan dan Warisan Negeri Kelantan pada 15 Disember 2015

bertempat di Balai Seni Lukis Kelantan. Pameran ini adalah merupakan hasil kerjasama antara Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, persatuan seni lukis Kelantan ( PESENI ) dan Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara.


Pameran ini berlangsung mulai 25 November sehingga 30 Disember 2015. Sebanyak 70 buah hasil karya lukisan yang

bertemakan masjid dipamerkan. Pameran yang dilangsungkan ini adalah cetusan idea PESENI bagi menyemarakkan syiar Islam melalui seni lukisan.

Masjid di Kelantan khasnya mempunyai nilai sejarah yang tersendiri. Seni bina Islam dipromosikan sebagai tarikan pelancong dalam dan luar negeri.




Bergambar kenangan selepas Majlis Pelancaran Pameran Lukisan 1MCAT pada 15 Disember 2015 di balai seni lukis Kelantan.



Haji Nik Mahmud b. Haji Ismail  
(Dato' Perdana Menteri Paduka Raja)  
1921 - 1944



Tan Sri Dato' Nik Ahmad Kamal b. Nik Mahmud  
(Dato' Seri Setia Raja)  
1944 - 1953



Tg. Mohamad Hanzah b. Tg. Zainal Abidin  
(Tengku Seri Maharaja)  
1953 - 1959



Dato' Hajji Ishak Lotfi b. Omar  
1959 - 1964




Dato' Hajji Asri b. Haji Muda  
1964 - 1973



Dato' Hajji Mohamed b. Nasir  
(Dato' Biji Sura)  
1973 - 1978



Tan Sri Dato' Mohamed b. Yaacob  
(Dato' Bentara Kanan)  
1978 - 1990



Tun Guru Bafo Haji Nik Abdul Aziz b. Nik Mat  
(Dato' Bentara Setia)  
1990 - 2013



Ustaz Dato' Hajji Ahmad b. Hajji Yaacob  
2013 - sekarang

# SEJARAH MENTERI BESAR KELANTAN

Bagi Negeri Kelantan jawatan menteri besar mempunyai sejarahnya tersendiri. Ianya bermula sejak Long Yunus memerintah Kelantan (1763 - 1798). Baginda melantik Long Ghafar menjadi Mangkubumi dan Panglima Perang bergelar Tengku Sri Maharaja Perdana Menteri. Diberi kuasa memerintah Daerah di Kelantan dari Pasir Tumbuh ke Pasir Puteh. Walaupun diberi kurniaan sebuah daerah tersebut tetapi tidak pula bermakna berpecah pemerintah atau kekuasaan melainkan satu di bawah Long Yunus sebagai Raja seluruh Kelantan berpusat di Kota Kubang Labu. Dapat dikatakan bahawa Long Ghafar merupakan wakil kepada baginda Long Yunus sahaja. Pusat pemerintahan long Yunus kemudian berpindah ke seberang Sungai Kelantan iaitu di Kampung Che Bu bertentangan dengan Kota Kubang Labu yang dikenali juga sebagai "Kota galoh" atau "Pengkalan Galoh" atau Kampung Sireh. Sekarang dikenali dengan "Kota Lama".

Peranan yang dilakukan oleh Long Ghafar adalah sebagai Panglima Perang dan juga Penasihat kepada Long Yunus. Tugas

sedemikian itu merupakan tugas seorang "Menteri Besar" pada masa ini. Semasa pemerintahan Long Muhammad (Sultan Muhammad I) penasihat baginda ialah "Bendahara" dimana tugas dan peranannya adalah sama iaitu Penasihat Sultan yang juga merupakan seorang Menteri Besar.


Semasa kemangkatan Sultan Muhammad I (1800 - 1835 M) Long Jenal yang bergelar Raja Bendahara telah mengistiharkan dirinya menjadi Raja dan mengambil gelaran Yang Dipertuan Kelantan dan adiknya Long Senik Penambang diberi gelaran Raja Bendahara (1835 - 1837 M). Perang saudara yang berlaku antara Long Jenal dengan Long senik dan Saudara-saudaranya, akhirnya kemenangan di pihak Long Senik dan Baginda menjadi Raja dengan gelaran Sultan Muhammad II (Long Senik Mulut Merah) tahun 1838M.

Baginda telah membuat hubungan dengan Siam bagi membantu Baginda mengelakkan berlaku huru hara berpanjangan sama ada oleh musuh daripada luar dan juga dalam negeri Kelantan sendiri masa itu "melainkan kena berkirim diri kepada Raja

Maha Besar Siam.. " (Hj Nik Mahmud - Dato Perdana Menteri Paduka Raja- Ringkasan Ceritera Kelantan JAWI-ms.35)

Keadaan pemerintahan Negeri Kelantan lebih teratur dan tersusun dibawah pemerintahan Tengku Seri Indera iaitu Tengku Long Senik bergelar Sultan Muhammad IV (1899 - 1920 M), terutama dengan kehadiran Penasihat Siam ke Kelantan melalui perjanjian Inggeris - Siam 1902M. Pihak Siam menghantar seorang penasihat bernama W. A. Graham 1903M bagi membantu dari segi perlaksanaan pentadbiran dan pemerintahan negeri Kelantan.

Mulai masa itu Kelantan diperintah oleh seorang Raja yang tetap dan dilayani oleh penasihat kerajaan siam dengan sebuah Majlis Mesyuarat Negara. Perjalanan pemerintahan yang berundang-undang dan peraturan yang dilaksanakan masa itu pada mula-mulanya memanglah susah mengatur, menyusun dan menjalankannya. masa itu disebut juga "zaman undang-undang dan peraturan". (Asaad Syukri-Sejarah Kelantan - ms: 85 - PAP-1992).




## kenali muzium **MUZIUM ISLAM**



Bangunan ini asalnya adalah rumah kediaman bekas Menteri Besar Kelantan iaitu En. Hassan bin Mohd Salleh (Dato Menteri 1895-1990) terletak di jalan Sultan kota Bharu. Ia dibina pada tahun 1902 berdasarkan gaya dan ciri-ciri rumah Melayu Kelantan model akhir abad ke 19 dan awal abad ke 20. Dalam tahun 1917 bangunan ini telah menjadi pejabat Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan sehingga tahun 1990.

Kini bangunan ini telah dijadikan galeri Muzium Islam. Pembukaan Muzium ini telah disempurnakan perasmianya oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Ismail Petra Ibni Almarhum Sultan Yahya Petra pada 11 Novermber 1991.

Galeri Muzium Islam ini memamerkan koleksi dalam bentuk artifek, Model, gambar dan keterangan mengenai sejarah kedatangan Islam ke Nusantara dan Kelantan khasnya, perkembangan Islam, tokoh-tokoh agama, jabatan-jabatan keagamaan dan pelbagai koleksi dari negara-negara Islam.



Galeri tingkat bawah muzium Islam



# BERITA STAF

## PENERIMA ANUGERAH KEHORMATAN KEBESARAN NEGERI KELANTAN

- |                                     |   |
|-------------------------------------|---|
| 1. Dr Hj Nik Mohd Azlan bin Ab Hadi | - Darjah Kebesaran Setia Mahkota Kelantan<br>Yang Amat Terbilang ( P.S.K) |
| 2. Wan Jaafar bin Jusoh             | - Pingat Setia ( P.S )  |
| 3. Zainuddin bin Abdullah           | - Pingat Setia ( P.S )  |

## KEMBALI KE RAHMATULLAH

- |                         |   |
|-------------------------|---|
| 1. Che Alwi bin Che Ali | - Penolong Pegawai Tadbir<br>Kembali Ke Rahmatullah pada 6 September 2015 |
|-------------------------|---|

Pengarah dan semua kakitangan Perbadanan Muzium Negeri Kelantan mengucapkan tahniah dan selamat pengantin baru kepada Muhamad Amiruddin dan Isteri Pn. Nur Farah Hana Nabilah.

*Amiruddin  
Farah Nabilah*



**museum**

## 2016 EXHIBITION

**15 FEB - 31 MEI**

Pameran Sejarah Kelantan  
- Muzium Perang

**1 FEB - 31 APRIL**

Pameran dan Pertandingan Seni Lukis  
dan Fotografi Antarabangsa  
- Balai Seni Lukis Kelantan

**1 MAC - 31 APRIL**

Pameran Senjata Cantik dan  
Batu Permata  
- Muzium Adat Istiadat

**1 APRIL - 30 APRIL**

Pameran Gila - Gila  
- Muzium Negeri

**1 OGOS - 31 SEPT**

Pameran Sengat dan Racun  
- Muzium Negeri

**1 JUN - 31 JULAI**

Pameran Khat Antarabangsa  
- Muzium Negeri

**1 OKT - 31 DIS**

Pameran Pendidikan Perdana Siri II  
( Iskandar Zukarnain, Gog and Magog )  
- Muzium Negeri



muziumkelantan

# BUKU TERBITAN

## PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN



Buku Warisan Kelantan  
**RM16.00**  
Bil 1 - 32



Sebarang pertanyaan dan tempahan sila hubungi:

**PN. RURAIDA BINTI DAUD**

PERBADANAN MUZIUM NEGERI KELANTAN,

JALAN HOSPITAL, 15000 KOTA BHARU KELANTAN.

NO. TEL: 09-748 2266 FAX: 09-748 3366

email: [muzium@kelantan.gov.my](mailto:muzium@kelantan.gov.my) | web: [www.muzium.kelantan.gov.my](http://www.muzium.kelantan.gov.my)

## Kunjungi MUZIUM



Dapatkan  
Kad Ahli  
Sekarang !!!

“ hok mana ado  
barey-barey lamo  
hok bernilai & bersejarah  
bulih wat maghi sini.  
kito kelih, kito tengok,  
sego keney, kito beli ”

### Manfaat Ahli Sahabat Muzium

- Mendapat Cenderahati
- Berpeluang menyertai aktiviti anjuran PMNK
- Mendapat potongan 10% - 30% dari kedai muzium
- Menerima pendedahan dalam bidang permuziuman
- Berpeluang mengikuti ekskavasi arkeologi
- Sentiasa mendapat informasi terkini dari PMNK

sebarang pertanyaan  
sila hubungi:  
09-748 2266

### Terbuka Kepada Seluruh Warganegara Malaysia

bloggers, ahli korporat  
pelajar ipma / ips, pensyarah,  
guru, pelajar sekolah,  
dan ramai lagi....

semua  
warganegara layak  
memohon.  
permohonan yang berumur 18 tahun  
ke bawah diminta mendapat  
kebenaran dari penjawat

### Borang Permohonan

Boleh di muat turun di laman web :  
[www.muzium.kelantan.gov.my](http://www.muzium.kelantan.gov.my)

Dapatkan info terkini di laman web serta facebook :

[f/muziumkelantan](https://www.facebook.com/muziumkelantan)

permohonan boleh diemelikan ke :  
[muzium@kelantan.gov.my](mailto:muzium@kelantan.gov.my)

fax : 09-747 3366

### Yuran Tahunan

RM 10 warganegara berumur  
18 tahun keatas

RM 3 warganegara berumur  
17 tahun ke bawah  
dan pelajar sekolah  
& ipma/ips

# Sahabat MUZIUM Kelantan



**Sahabat Muzium** merupakan salah satu program pendidikan muzium. Tujuan penubuhan Sahabat Muzium adalah untuk mendekatkan lagi hubungan kakitangan muzium dengan masyarakat terutamanya golongan remaja di alam persekolahan bagi memberikan kefahaman dan pendedahan kepada mereka terhadap sejarah, budaya, warisan negeri serta peranan muzium.

Selain itu, program ini dapat menarik minat masyarakat dari dalam dan luar negeri untuk lebih mendekati muzium untuk berkongsi serta memperkenalkan bərəngan / artefak yang dimiliki untuk dipinjamkan ataupun dijual kepada pihak Muzium.

Pihak Muzium Kelantan akan membuka kaunter pendaftaran untuk mengumpul seramai mungkin ahli-ahli kelab Sahabat Muzium.